

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kaum India tidak akan cemas, kata Samy Vellu

KUALA LUMPUR, Sabtu

KAUM India di negara ini tidak akan cemas, meskipun menghadapi berbagai masalah besar, selagi Malaysia dipimpin oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Kami yakin, kerajaan di bawah pimpinan beliau akan mengambil berat masalah rakyat, termasuk kaum India dan bersikap adil dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru," kata Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu.

Berucap di Perhimpunan Agung MIC Ke-30 di sini, beliau berkata, MIC menyokong kuat usaha-usaha dinamik Perdana Menteri untuk mewujudkan satu negara yang menjadi kebanggaan setiap penduduk Malaysia.

Selaras dengan pentadbiran baru Datuk Seri Dr. Mahathir itu, beliau menjelaskan, MIC sedang mengambil langkah meningkatkan lagi pentadbirannya.

Antaranya, meningkatkan jentera parti dalam memberi khidmat kepada kaum India Malaysia dan mewujudkan satu pendekatan yang lebih agresif berhubung dengan sikap mereka dalam memajukan sosio politik penduduk-penduduk Malaysia.

Beliau yang juga Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam berkata, pihaknya juga akan memastikan kaum India Malaysia mendapat bantuan kerajaan untuk membantu mereka mencapai tujuan-tujuan DEB.

Di bidang pekerjaan pula, Datuk Samy Vellu berkata, MIC mengubah corak pekerjaan sekarang supaya orang-orang India tidak tertumpu di ladang-ladang dan di sektor yang kurang produktif saja.

"Kami akan menggalakkan orang-orang India yang berpelajaran memasuki sektor penghasilan dan perkhidmatan seperti di bank-bank dan institusi-institusi kewangan," katanya.

Beliau berkata, MIC berpuashati di atas kadar pengambilan pelajar-pelajar dari kaum India di universiti-universiti tempatan untuk sessi tahun ini.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana masih ramai pelajar India tidak mengikuti kursus profesional sains seperti kejuruteraan, pergigian, perubatan dan seni bina.